

SSB: Syor tambah kenaikan pangkat

UM 8 AUG 2001

Oleh HABIBAH OMAR

KOTA TINGGI 7 Ogos - Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan menimbangkan cadangan penambahan kenaikan pangkat mengikut tempoh perkhidmatan dalam Skim Saraan Baru (SSB) kepada semua kakitangan perkhidmatan awam.

Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan berkata, kenaikan pangkat demikian hanya dilaksanakan di kalangan guru sahaja dan adalah wajar sekiranya ia juga turut digunakan kepada kakitangan awam yang lain bagi meningkatkan daya produktiviti mereka.

Beliau memberitahu, dalam tinjauan yang dija-

lankan oleh CUEPACS, terdapat kakitangan awam yang kecewa dengan prosedur kenaikan pangkat berbanding rakan mereka yang bekerja di sektor swasta.

"Sambil berpuluh peratus daripada kakitangan awam mencatatkan prestasi yang baik dalam perkhidmatan mereka namun hanya lima peratus yang mendapat kenaikan gaji secara melintang.

Penambahan

"CUEPACS akan mengemukakan cadangan untuk penambahan dalam SSB bagi membolehkan kakitangan awam menikmati peluang kenaikan pangkat," katanya pada sidang akhbar selepas membentangkan kertas kerja dalam kursus asas kesatuan sekerja dan

pembangunan kerjaya pegawai Kastam Zon Selatan di Holiday Chalet, di sini, semalam.

Abd. Rahman menyatakan, pihaknya juga ada menerima beberapa aduan daripada kakitangan awam mengenai SSB yang menyeleweng dalam kenaikan pangkat dan telah mengemukakan perkara berkenaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jelasnya, dalam siasatan yang dijalankan oleh JPA mendapati ada sesetengah dakwaan berkenaan betul dan ada juga yang tidak mempunyai asas.

"Berdasarkan kepada keadaan ini, kita meminta supaya kenaikan pangkat itu dilakukan mengikut tempoh agar kakitangan awam dapat menik-

mati faedah selain mengelakkan mereka kecewa," katanya yang juga Setiausaha Kesatuan Pegawai-Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia.

Bayar

Selain itu, beliau memberitahu, CUEPACS akan mengemukakan rayuan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu ini, agar kerajaan membayar bonus sebulan gaji atau maksimum RM1,000 pada tahun ini.

Katanya, memandangkan ekonomi telah beransur pulih, maka adalah layak kakitangan awam menerima bonus tersebut kerana mereka juga merupakan antara pihak yang terbabat dalam memulihkan ekonomi negara.